

## PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI ALTERNATIF SUSULAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PANDEMIK COVID-19

1. Latihan Industri (LI)/ Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh dilaksanakan seperti lazimnya dengan mematuhi garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan UTHM.
2. Bagi pelajar yang mendapat penempatan di industri dan menghadapi kesukaran menjalani LI/ WBL seperti lazimnya, kaedah seperti Bekerja Dari Rumah (BDR) boleh diguna pakai dengan persetujuan pihak industri dan universiti. Kaedah penyeliaan, pentaksiran dan penilaian LI/ WBL oleh **Penyelia Fakulti** dan **Penyelia Industri** boleh dilaksanakan secara dalam talian.
3. Bagi pelajar yang tidak mendapat penempatan di industri, LI/ WBL juga boleh dilaksanakan melalui salah satu atau gabungan kaedah **Latihan Industri Alternatif** seperti berikut:
  - a) Kajian kes yang berasaskan kepada permasalahan atau isu di industri;
  - b) Projek penyelidikan dengan kerjasama industri;
  - c) Projek komuniti berasaskan bidang program pengajian dengan kerjasama industri;
  - d) Kertas kajian/projek /geran dalaman berasaskan penyelesaian masalah industri;
  - e) Kerja pembaikian dan penyelenggaran dalaman (*in-house*) yang bersesuaian;
  - f) LI/ WBL secara maya (*virtual industrial training*).
4. Bagi perlaksanaan Perkara 3, Fakulti perlu memastikan bahawa LI/ WBL yang dijalankan;
  - a) memenuhi hasil pembelajaran kursus yang telah ditetapkan,
  - b) diselia oleh **Penyelia Fakulti** dan **Penyelia Industri** yang berkelayakan,
  - c) ditaksir dan dinilai berdasarkan rubrik penilaian yang bersesuaian,
  - d) mematuhi jam pembelajaran pelajar berdasarkan tempoh LI/ WBL yang lazim,
5. Kaedah **Latihan Industri Alternatif** ini boleh dilaksanakan
  - a) sebagai **penggantian penuh kepada LI/ WBL** atau
  - b) sebagai **pelengkap kepada LI/ WBL yang terpaksa dihentikan separuh jalan dan belum memenuhi hasil pembelajaran yang telah ditetapkan**.Pihak Fakulti perlu menyediakan analisa jurang (*gap analysis*) berkenaan pelaksanaan **Latihan Industri Alternatif** yang dipilih.
6. Bagi memastikan pelajar didedahkan dengan pengalaman industri sebenar, Fakulti perlu melaksanakan sesi perkongsian/ taklimat/ demonstrasi yang disampaikan oleh pihak industri berkaitan.

7. Fakulti juga disarankan untuk menyampaikan kepada pelajar semua maklumat berkenaan pelaksanaan **Latihan Industri Alternatif** ini terutamanya proses pemilihan, penyeliaan dan pentaksiran yang akan dilalui oleh pelajar.
8. Pelaksanaan kaedah **Latihan Industri Alternatif** ini adalah dengan kelulusan Dekan Fakulti dan perlu mengambil kira keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), majlis akreditasi badan-badan profesional, dan Garis Panduan Latihan Industri UTHM.
9. Panduan ini berkuatkuasa **sepanjang tempoh PKP dilaksanakan**.

Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik (CAD)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

18 Julai 2021